

# Tindakan PM jalani pembedahan dalam negeri patut dicontohi

29 JAN 1989

KUALA TERENGGANU 28 Jan. — Pembedahan jantung ke atas Perdana Menteri di Hospital Besar Kuala Lumpur wajar dicontohi oleh pemimpin lain yang masih menganggap kononnya kemudahan rawatan di luar negeri adalah lebih baik.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah meyakinkan rakyat bahawa hospital tempatan mempunyai cukup kemudahan di samping kepakaran doktor yang terdiri

dari anak tempatan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Mohd. Yusof Nor berkata, tindakan seorang Perdana Menteri menolak persiapan untuk diterbangkan ke luar negeri, sehari sebelum pembedahan adalah selaras dengan amalan 'kepimpinan melalui tau-ladan.'

Berucap merasmikan mesyuarat agung Lembaga Kebajikan Perempuan Islam (LKPI) Perhungan Negeri Terengganu di sini, hari ini, be-

liau menyatakan ini memberi keyakinan dan sekaligus menguatkan lagi kepercayaan rakyat terhadap keupayaan doktor tempatan.

Katanya, dari apa yang diberitahu oleh isterinya, Datuk Sri Datin Paduka Dr. Hasmah Mohd. Ali kepadanya, Perdana Menteri sendiri menandatangani tanpa ragu-ragu lagi supaya melakukan pembedahan di Hospital Besar Kuala Lumpur.

Ini, tambahnya, adalah suatu keputusan yang sungguh berani, dan ia tidak pernah berlaku kepada pemimpin lain, walaupun Perdana Menteri sendiri mempunyai banyak kemudahan untuk menerima pembedahan di luar negeri.

Datuk Dr. Mohd. Yusof berkata, langkah Perdana Menteri itu wajar dicontohi kerana di hospital tempatan juga mempunyai cukup kemudahan dan kepakaran anak tempatan, setanding dengan negara-negara lain.

Mengenai hasil galian yang terdapat di beberapa kawasan di negeri ini, menteri itu berkata, ini membuktikan kerajaan negeri di bawah pimpinan Menteri Besar; Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad mahu hasilnya terus diambil oleh rakyat

Beliau menjelaskan, penemuan emas di Russia misalnya, kerajaan tidak mengurus atau menjalankan usaha perlombongan supaya rakyat dapat mencari dan menikmati kekayaan itu secara mendulang.

Datuk Dr. Mohd. Yusof menyatakan, ini juga membuktikan kerajaan negeri mementingkan faedah yang patut diberi kepada rakyat, biarpun, kalau kerajaan mengurusnya sendiri, hasilnya juga pergi kepada rakyat.